

10 OCT 1996
Mahathir-Kabinet
PM TIDAK BERCADANG ROMBAK KABINET

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak bercadang untuk merombak barisan jemaah menteri yang ada sekarang walaupun terdapat beberapa orang di antara mereka tewas pada pemilihan Umno kali ini.

Presiden Umno itu berkata keputusan pemilihan parti kali ini tidak semestinya bermakna mereka yang kalah perlu digugurkan manakala yang menang perlu diberi tempat.

"Dalam pertandingan yang semacam ini mungkin ada yang kalah mungkin ada yang menang. Walaupun yang ini (keputusan pemilihan) mempengaruhi sedikit sebanyak pendapat kita tapi waktu ini saya tidak ada rancangan untuk membuat apa-apa perubahan," katanya pada persidangan berita di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz gagal mempertahankan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Wanita Umno apabila ditewaskan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail kalah dalam pertandingan jawatan Naib Ketua Wanita tetapi hari ini beliau menang kerusi Majlis Tertinggi.

Pada pemilihan Ketua Pemuda, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa turut tewas manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Hishamuddin Tun Hussein menang dalam pertandingan bagi jawatan Naib Ketua.

Ketua Pemuda yang baru ialah anggota Parlimen Bagan Datoh Datuk Ahmad Abdul Rahim Tamby Chik, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Abdul Rahman Mat Salleh.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin gagal mempertahankan kerusi Naib Presiden parti pada pemilihan hari ini. Turut kalah ialah Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar bersama Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Yob Tajuddin Kulub Ismail.

Dalam pemilihan 25 Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, antara menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang kalah ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Fauzi Abdul Rahman, Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Haji Jeffrey dan Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Dr Mahathir berkata dalam setiap pertandingan sememangnya ada yang kalah dan ada yang menang.

"Kedudukan menteri-menteri kabinet yang kalah tidak terjejas kerana pada masa dulu pun ada menteri yang kalah," katanya.

Beliau juga menafikan khabar-khabar angin kononnya Rafidah sudahpun mengemukakan surat peletakan jawatan sebagai menteri selepas kalah kepada Dr Siti Zaharah.

"Dia cuma serah surat pada saya malam tadi memberitahu dia tidak dapat hadir mesyuarat Majlis Tertinggi. Oleh kerana dia tidak ada kedudukan, dia tidak hadir pada persidangan hari ini. Tiada surat peletakan jawatan," kata Dr Mahathir ketika ditanya mengenai dua pucuk surat yang dihantar Rafidah kepada beliau sebelum mesyuarat MT bermula malam tadi.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuashati dengan keputusan perwakilan pada pemilihan kali ini, beliau berkata: "Saya sanggup bekerja dengan siapa sahaja yang dipilih. Bagi saya apa yang ditentukan oleh perwakilan adalah

sesuai bagi saya."

"Bukan saya yang membuat pilihan. Saya berhak menambah anggota MT dengan orang pilihan saya dan itu saya akan timbang tengoklah tapi ini (keputusan pemilihan) pilihan perwakilan dan saya terima. Saya tidak gembira, saya tidak berasa sedih, itu pilihan mereka," katanya.

Mengenai kekalahan Rafidah dan Abdul Rahim, beliau berkata itu pendapat dan pilihan perwakilan dan beliau percaya mereka mempunyai sebab-sebab tertentu untuk menukar kepimpinan pergerakan masing-masing.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menolak kemungkinan ucapan dasarnya pagi tadi telah mempengaruhi sedikit sebanyak keputusan pemilihan hari ini.

"Saya fikir ada perubahan-perubahan tertentu. Ucapan pagi tadi barangkali mempunyai kesan walaupun saya tidak dapat mengesahkannya kerana mungkin terdapat juga yang dipilih itu mempunyai dosa-dosa, kita tidak tahu," katanya.

Pagi tadi, beliau antara lain mengingatkan anggota perwakilan mengenai perlunya mereka menolak calon yang rasuah kerana jika mereka terpilih, calon itu sudah pasti akan menyalahgunakan kuasanya untuk mencari wang yang lebih banyak bagi menampung kehendak para penyokong.

Ketika ditanya sama ada terdapat antara calon-calon yang menang terlibat dalam perbuatan yang dilarang oleh parti, Dr Mahathir berkata : "Saya belum semak lagi, tapi yang saya ingat tidakk ada."

Bagaimanapun Dr Mahathir memberi jaminan tindakan tetap akan diambil jika terdapat bukti mereka melanggar peraturan parti seperti berkempen, menggunakan wang dan menyalahgunakan kuasa.

Katanya semasa perbincangan, para perwakilan nampaknya ingin melihat beliau menunaikan janji untuk mengambil tindakan terhadap calon-calon yang terlibat walaupun mereka sudah menang.

"Saya perlu semak dulu kemudian baru kita boleh pastikan calon-calon itu benar-benar bersih," katanya.

Ketika ditanya apa akan terjadi jika hampir semua calon yang menang di dapati melanggar arahan parti, beliau berkata: "Kalau semua, semualah (akan digugurkan)."

Tempat mereka yang digugurkan itu akan digantikan dengan calon-calon yang kalah tetapi memperolehi undi paling dekat dengan mereka yang menang, katanya. -- BERNAMA

AH ZAB RON